

Risau insiden paip pecah berulang

Penduduk gesa pihak bertanggungjawab bina tembok penahan, naik taraf paip di Sungai Batu

■ NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES - Pihak bertanggungjawab diharap dapat menyelenggara Sungai Batu termasuk membina semula tembok penahan yang runtuh dan menaik taraf paip utiliti milik Syabas.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Melayu Batu Caves Selatan, Khalid Mohd Noor berkata, kerja menaik taraf penting kerana penduduk bimbang jika insiden paip pecah yang berlaku dua tahun lalu berulang.

"Bila paip pecah dulu, hampir seminggu penduduk terpaksa menghadapi ganggu-



Khalid (kanan) menunjukkan laporan surat aduan yang pernah dihantar.

an bekalan air.

"Tambahkan pula sekarang ini paip tiada penahan dan di bawahnya adalah laluan air dari Sungai Batu ter-

letak 300 meter dari kawasan kampung.

"Aduan bersurat telah dibuat bukan hanya kepada Syabas tetapi kepada Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) untuk perhatian berikutan isu tembok penahan ini.

"Lokasinya yang bersebelahan Lebuhraya

“ Bila paip pecah dulu, hampir seminggu penduduk terpaksa menghadapi gangguan bekalan air. Tambahkan pula sekarang ini paip tiada penahan dan di bawahnya adalah laluan air dari Sungai Batu terletak 300 meter dari kawasan kampung.” - Khalid

Lingkar Tengah 2 (MRR2) juga boleh membahayakan pengguna sekiranya berlaku mendapan tanah disebabkan masalah penyelenggaraan ini,” katanya.

Selain itu katanya, pihaknya turut memohon supaya JPS meneruskan pemasangan pagar besi pada sungai untuk tujuan keselamatan.

"Hampir 110 meter panjang railing (pagar besi) terpakai kami pasang dan harap bakinya diteruskan oleh pihak berwajib bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku. Tambahkan pula su-

ngai ini turut digunakan orang awam untuk memancing, jadi kalau tak ada railing ini takut juga boleh membahayakan mereka.

"Semak di kawasan sekitar juga telah kami bersihkan sebelum ini selepas kawasan itu dijadikan tempat kegiatan tanggal curi motosikal dan aktiviti tidak sihat," katanya.

Menurutnya, kos pemasangan pagar besi yang dipasang sebelum ini ditanggung oleh JKKK sepenuhnya dan berharap baik pulih melibatkan kos besar dilaksanakan oleh pihak berwajib.